



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 15 September 2022	
1	Jijik, meloyakan sungguh!
2	30 tahun derita pencemaran babi
3	'Sampai bila mahu hidup dengan babi?'

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**



KEAMBIAN pusat penyembelihan ayam di Cheras yang kotor dan melanggar syarat operasi



Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jijik, meloyakan sungguh!

■ Pusat sembelihan ayam abai kebersihan

■ Pekerja asing tiada suntikan tifoid

Jijik dan meloyakan apabila sisa darah serta bulu ayam berteraburan dalam premis tanpa penyelenggaraan sistematik.

Malah lebih mengejutkan apabila kilang penyembelihan ayam di Cheras di sini, itu menggunakan sepenuhnya khidmat puluhan pekerja warga asing itu yang tidak diberikan suntikan tifoid.

Jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, tindakan pemilik kilang ayam itu dibongkar hasil operasi bersepadu dilakukan pihak bersama agensi Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JASWPKL), Indah Water Konsortium (IWK) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Menurutnya, dalam lawatan mengejut jam 1 pagi semalam, pihak DBKL mendapati pusat penyembelihan ayam terletak di Cheras itu mengabaikan aspek kebersihan.

Pemeriksaan oleh 21 anggota penguat kuasa turut mendapati pusat penyembelihan ayam itu dalam keadaan tidak terurus dan kotor.



OPERASI bersepadu DBKL, JASWPKL, IWK dan SPAN di sebuah pusat penyembelihan ayam di Cheras.

"Lantai dan dinding di ruang memproses ayam berkarat, berlumut dan berdaki hitam. Ia mungkin berpunca aktiviti sembelihan ayam yang dilakukan dalam premis," katanya.

Selain itu menurutnya, semua pekerja atau pengendali makanan di premis itu

tidak mendapatkan suntikan tifoid bagi mencegah penyebaran bakteria dikenali sebagai *salmonella typhi* yang menjadi punca demam kepialu.

"Mereka turut gagal memamerkan dokumen pengenalan diri masing-masing kerana hampir semua pe-

kerja adalah warga asing. "Pusat penyembelihan ayam itu turut dikesan menjadi punca pencemaran apabila pemeriksaan lanjut mendapati tiada sistem penapisan sisa disediakan.

"Sisa penyembelihan dan darah ayam terus disalurkan ke longkang awam. Malah



PEKERJA asing didapati tidak mengambil suntikan tifoid.

ayam mentah yang siap diproses diletakkan atas lantai begitu sahaja," katanya.

Menurutnya, pekerja di pusat penyembelihan ayam itu turut menggunakan tandas kotor yang tidak dilengkapi kemudahan asas.

"Susulan itu, tindakan diambil pihak DBKL dengan


mengeluarkan dua kompaun selain Notis Perintah Penutupan di bawah Akta Makanan 1983 membatalkan arahan pembersihan dan penambahaan.

"Selain itu, pihak JASWPKL turut mengambil sampel air untuk dianalisis," katanya.

"Lantai dan dinding di ruang memproses ayam berkarat, berlumut dan berdaki hitam"
DBKL



DARAH dan sisa sembelihan terus dibuang ke dalam longkang awam tanpa kemudahan sistem penapisan sisa.



● Aliran anak sungai, parit warna hitam ● 7,000 penduduk hidu bau busuk

30 tahun derita pencemaran babi

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

SEPANG: Jijik, kotor dan me-loyakan.

Itu situasi dihadapi kira-kira 7,000 penduduk Tanjung Sepat di sini yang berdepan masalah pencemaran dipercayai akibat kumbahan ternakan babi di ka-

wasan itu sejak 30 tahun lalu.

Selain gangguan bau busuk, aliran air dalam parit dan anak sungai di sekitar kawasan berkenaan berwarna hitam pekat dan mengalir ke laut yang terletak kira-kira 30 meter.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Kampung Ladang Tumbuk mendapati, kedudukan kan-

dang ternakan babi di kawasan itu hanya terletak 50 hingga 200 meter dari penempatan penduduk melibatkan sempadan Kuala Langat, Teluk Bunut serta Tanjung Sepat, di sini.

Malah, terdapat 168 kandang ternakan babi di Kampung Ladang Tumbuk dengan anggaran 200,000 ekor haiwan itu diter-

nak pada satu-satu masa untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Seorang penduduk, Mazni Shamsuddin, 50, berkata, ladang itu seluas kira-kira 404.6 hektar hanya dipisahkan sebatang jalan dengan pantai Tanjung Sepat.

Bersambung di muka 2



Tercemar

PEMANDANGAN dari udara menunjukkan saliran air berwarna hitam bersebelahan sebuah ladang ternakan babi di Tanjung Sepat, Sepang, Selangor.
- UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

30 tahun derita pencemaran babi

Dari muka 1

"Kebanyakan kami mengharapkan tindakan segera dapat dilakukan kerana sistem operasi ladang ini tidak betul dan mengambil hak penduduk," katanya di sini, semalam.

Siasatan Utusan turut mendapati aliran air tercemar itu mengalir ke parit dan membentuk beberapa saliran anak sungai ke laut yang terletak kira-kira 30 meter, sekali gus mengundang persoalan sama ada tindakan itu mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Bau yang amat meloyakan dengan warna air hitam terlalu kotor dan menjijikkan boleh dilihat dari jalan utama Tanjung Sepat, sebelum air buangan yang dipercayai bercampur najis dan sisa ternakan itu mengalir ke pantai.

Kedaaan itu jelas kelihatan melalui rakaman gambar dan video dari udara menggunakan dron membuktikan kedudukannya betul-betul bersebelahan laut.

Cubaan *Utusan Malaysia* memasuki kawasan ladang tidak berjaya kerana ia merupakan tanah persendirian berpagar dan berkunci, namun laluan jalan sempit membawa kami ke tempat penyembelihan dan pemotongan babi yang berada hanya kira-kira 30 meter dengan laut.

Dalam pada itu, tinjauan di sekitar pantai Tanjung Sepat mendapati seolah-olah sudah mati, malah penduduk mendakwa tidak ada lagi habi-



PEMANDANGAN udara pantai Tanjung Sepat di Sepang yang dicemari air berwarna hitam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

tat laut seperti kerang, kupang dan kepah yang sebelum ini menjadi antara sumber rezeki penduduk.

Penduduk turut memberitahu, pada sebelah petang aktiviti pembersihan kandang oleh pekerja turut mengakibatkan bau busuk apatah lagi jika waktu selepas hujan sehingga mengganggu keselesaan penduduk untuk solat berjemaah di surau.

Timbul persoalan, bagaimana ladang ternakan ini dibenarkan beroperasi sekali pun ia berlesen sedangkan kualiti air di kawasan berkenaan tercemar dan menjejaskan kehidupan penduduk.

Sementara itu, Presiden

Perahu Layar Negeri Selangor, Abdul Aziz Abdullah berkata, kawasan Tanjung Sepat pernah dicadangkan sebagai kawasan ekopelancongan kerana ia merupakan sebuah kawasan peranginan pantai yang cantik.

Bagaimanapun, katanya, kewujudan ladang terbabit terus mematikan kawasan tersebut seolah-olah menjadi sebuah tempat yang menjijikkan.

Bukit Pelanduk di Lukut Port Dickson pernah menjadi kawasan ternakan babi terbesar, sebelum semua ladang dan ternakan di situ dimusnahkan selepas dilanda virus Japanese Encephalitis (JE) yang meragut lebih 50 nyawa manusia.

'Sampai bila mahu hidup dengan babi?'

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamulla.com.my

SEPANG: Sampai bila kami mahu hidup dengan babi? Itu persoalan yang dibangkitkan penduduk selepas masalah pencemaran ladang ternakan babi di Tanjung Sepat, di sini tidak pernah selesai lebih 30 tahun lalu.

Biarpun masalah berkenaan sudah muak diajukan kepada pihak berwajib, namun tidak ada apa-apa tindakan segera atau jangka panjang dilaksanakan seolah-olah mereka tidak layak mendapat kehidupan lebih baik.

Menurut seorang penduduk asal di situ, Amir Sharifuddin, 72, masalah ladang ternakan di sini sudah berlaku sekian lama dan lebih memburukkan apabila masalah ini cuba dipolitikkan oleh parti politik yang berkuasa.

Projek ladang ternakan babi moden bernilai RM1 juta pernah dicadangkan untuk dibangunkan pada 15 tahun lalu apabila ada dalam kalangan penduduk turut dibawa ke Jerman untuk melihat sendiri model ternakan di negara itu menggunakan teknologi bersih berjauhan dengan kawasan penduduk.

Namun, katanya, cadangan itu terkubur begitu sahaja dan pernah dijadikan modal politik pihak pembangkang kononnya mendesak kerajaan memajukan ladang ternakan di sini bagi membela nasib penduduk.

Bagaimanapun, ia tetap tidak dibangunkan selepas Kerajaan Negeri Selangor bertukar pemerintahan dan dijanjikan pula projek ternakan mega.

Ia kemudian dibantah penduduk kerana pembinaan yang dicadangkan itu di lokasi sama



AIR sungai warna kehitaman dan berbau busuk dipercayai dicemari dengan kumbahan ternakan babi yang mengalir dari pusat ternakan babi di Tanjung Sepat, Sepang semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL



ABDUL AZIZ
ABDULLAH



MAZNI
SHAMSUDDIN



AMIR
SHARIFUDDIN

berdekatan kawasan perumahan sedangkan masyarakat mahu ia dipindahkan ke lokasi tapak lain yang jauh dari pen-

duduk.

"Akibat bantahan itu, projek mega itu tidak dibuat dan disenyapkan dengan alasan pen-

tidak setuju. Sudah lebih 30 tahun saya tinggal di sini terpaksa hidu bau busuk dan ia lebih teruk apabila setiap kali selepas hujan dan mengganggu solat jemaah di surau.

"Keadaan ini berlaku apabila ladang ternakan ini beroperasi tidak mengikut sistem betul. Sistem buangan sepatutnya perlu ada empat kolam sebagai tapisan sebelum disalurkan ke laut. Namun kita boleh tengok sendiri air yang dibuang sangat hitam dan mencemarkan laut," kata pesara kerajaan itu ketika ditemui Utusan Malaysia di sini semalam.

Menyokong pendapat sama,

Presiden Perahu Layar Negeri Selangor, Abdul Aziz Abdullah berkata, kawasan Tanjung Sepat pernah dicadangkan sebagai kawasan eko pelancongan kerana ia merupakan sebuah kawasan peranginan pantai yang cantik.

Bagaimanapun, kewujudan ladang ternakan ini terus mematahkan kawasan ini seolah-olah menjadi sebuah tempat menjijikkan dan kawasan pantai bertukar seperti kolam buangan. Pelancong hanya datang di sini hanya untuk membeli daging babi.

"Pihak berkuasa tidak mengambil apa-apa tindakan atau penguatkuasaan dilaksanakan ala kadar menyebabkan pengusaha ladang bermaharajalela dengan beroperasi tanpa mengikut sistem yang betul dan sewenang-wenangnya membuang sisa air buangan ke laut," katanya.

Seorang lagi penduduk asal Kampung Tumbuk Darat di sini, Mazni Shamsuddin, 50, berkata, kira-kira 7,000 penduduk di sini masih mengharapkan satu tindakan penyelesaian dilaksanakan walaupun isu ini sudah lama.

Katanya, wakil rakyat di sini sepatutnya menjadikan masalah berkenaan sebagai isu utama untuk diselesaikan, namun nasib penduduk seperti mereka tidak dipedulikan.

"Kita faham ternakan babi merupakan sumber perniagaan dan pendapatan negara kerana ia turut dieksport ke luar negara. Namun, sistem operasi ladang ini amat tidak betul dan mengambil hak penduduk demi keuntungan pengusaha," katanya yang turut memberitahu kira-kira 500 warga asing bekerja di ladang ternakan itu.